

TEKS UCAPAN
BRIGEDIER JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
PERTANDINGAN REKA CIPTA KEJURUTERAAN DAN INOVASI
SAINS SEKOLAH BERASRAMA PENUH KALI KE-12, 2010.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Yang Berusaha Pn Ashah Samah,
Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kluster

Yang Berusaha Tuan Mansor bin Lat
Pengarah Pelajaran Perlis

Yang Berusaha En Pesol bin Md Saad,
Pengetua Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra

Pengetua-pengetua,

Guru-guru Besar,

Guru-guru dan para pelajar sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan limpah perkenan-Nya, dapat kita bersama-sama untuk menjayakan Pertandingan Reka Cipta Kejuruteraan dan Inovasi Sains Sekolah Berasrama Penuh kali ke-12 tahun 2010 ini. Terlebih dahulu, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra kerana mengundang saya untuk menyampaikan ucapan seterusnya merasmikan majlis penutupan pertandingan pada petang yang berbahagia ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua warga Sek. Men. Sains Tuanku Syed Putra yang bertungkus lumus bagi memastikan kejayaan penganjuran Pertandingan Reka Cipta Kejuruteraan dan Inovasi Sains Sekolah Berasrama Penuh ini.

Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah S. W.T sekalian,

Peranan pendidikan sebagai alat transformasi dalam membentuk dan menentukan hala tuju sesebuah negara sebenarnya sudah wujud sejak sejarah tamadun manusia lagi. Atas dasar itulah, Kerajaan Malaysia meletakkan keutamaan yang tinggi kepada isu pendidikan rakyatnya kerana pendidikanlah menjadi landasan utama untuk mengoptimumkan potensi setiap pelajar. Kerajaan juga menyedari bahawa pendidikan merupakan salah satu mekanisme yang paling berkesan untuk membela nasib rakyat dan memajukan sesebuah negara. Kita sedar bahawa dengan menyediakan kemudahan pendidikan yang baik, kurikulum yang

berkualiti dan guru yang cemerlang, kita dapat mendidik anak-anak kita menjadi insan yang berjaya dan membantu negara mencapai kegemilangan. Oleh hal yang demikian, kurikulum yang digubal berteraskan elemen kreativiti, inovasi, nilai tambah tinggi dan semangat keusahawanan mampu membentuk kejayaan masa hadapan negara Malaysia.

Hadirin sekalian,

Baru-baru ini, Y.A.B. Perdana Menteri telah mengumumkan pula model ekonomi baru. Model Ekonomi Baru (MEB) merupakan satu struktur yang penting kepada Malaysia yang sedang dibentuk dan struktur ini yang akan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat kita pada masa akan datang. Model ekonomi baru ini akan mengubah kedudukan daripada asas perindustrian yang bergantung kepada buruh separuh mahir dan murah kepada perkhidmatan moden yang memerlukan pekerja mahir dan berpendapatan tinggi.

Malaysia kini berada dalam landasan yang betul ke arah mencapai ekonomi berpendapatan tinggi yang menggunakan pendekatan berpaksikan inovasi, kreativiti dan nilai tambah tinggi. Bagi mencapai matlamat ini, negara memerlukan masyarakat yang mengamalkan budaya kreatif dan inovatif untuk menjayakan hasrat negara. Menurut YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, sekolah merupakan inkubator inovasi paling penting dalam usaha

melahirkan generasi pemikir serta pencipta masa depan. Kita kini bercakap tentang penerapan budaya kreatif dan inovatif di kalangan 5.3 juta para pelajar di peringkat pra sekolah, rendah dan menengah di hampir 10,000 institusi sekolah di negara ini.

Pendidikan merupakan salah satu agenda terpenting dalam mengoptimumkan potensi setiap rakyat Malaysia bagi mencapai negara Malaysia yang Inovatif. Atas dasar itu, Kerajaan telah menyenaraikan, meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan sebagai salah satu daripada 6 NKRA negara. Malahan, sejumlah RM 30 bilion telah diperuntukkan kepada pendidikan menengah dan rendah di dalam Rancangan Malaysia ke-10. Kajian untuk memperkemas kurikulum sekolah kini giat dilaksanakan bagi menyediakan sistem pendidikan negara yang berupaya untuk menggilap elemen kreativiti dan inovasi dalam kalangan generasi muda di negara ini. Strategi ini diformulasi berasaskan keyakinan tinggi bahawa generasi muda ini akan melonjak Malaysia daripada negara berpendapatan sederhana tinggi kepada kategori negara berpendapatan tinggi .

Hadhirin dan hadhirat sekalian,

Kreativiti dan inovasi tidak terhad kepada penghasilan sesuatu yang gah dan berskala besar sahaja. Semenjak 50,000 tahun sebelum masihi, sejarah telah merekodkan pelbagai inovasi yang dibentuk daripada kreativiti berasaskan matlamat untuk menyelesaikan masalah dan mencapai kesejahteraan hidup.

Merentasi sejarah, manusia menyaksikan penghasilan pelbagai *inventions* meliputi anak panah, sistem pengairan, kertas, kincir air, teleskop, vaksin cacar air, komputer, internet dan pelbagai lagi. Bayangkan kehidupan kita pada masa ini tanpa kreativiti dan inovasi individu yang telah berupaya menghasilkan kertas, pisau, klip kertas, *post-it note*, gunting, kon ais krim sehinggalah kepada ketuhar gelombang mikro. Dalam era teknologi maklumat, kita sedang menikmati pelbagai bentuk media yang dipaparkan melalui laman web dengan kreativiti dan hasil inovasi yang diterokai oleh Tim Berners Lee pada tahun 1991.

Di Amerika Syarikat umpamanya, elemen kreatif dan inovasi diterapkan dengan jelas dalam sektor perindustrian yang seterusnya berupaya menjana ekonomi negara berkenaan. Mereka telah berjaya menghasilkan kenderaan yang berupaya meningkatkan penjimatan penggunaan bahan api, bercirikan mesra alam dengan tawaran harga yang jauh lebih murah. Selain itu, teknologi berkenaan akhirnya membantu Amerika Syarikat mengurangkan 30 peratus penggunaan bahan api iaitu mencapai penjimatan AS\$45 bilion setahun. Inilah yang ingin dicapai oleh Malaysia melalui pemantapan modal insan berbakat bagi menjayakan model ekonomi baru.

Bertepatanlah dengan Pertandingan Reka Cipta Kejuruteraan dan Inovasi Sains Sekolah Berasrama Penuh yang dianjurkan oleh pihak Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kluster ini. Saya dimaklumkan bahawa Pertandingan inovasi dan reka

cipta yang diadakan ini mampu melahirkan modal insan yang berkesan yang dapat menghadapi cabaran inovasi ekonomi abad ke-21 ini. Saya kira elemen kreativiti, inovasi, nilai tambah tinggi dan semangat keusahawanan dapat dicungkil dan ditonjolkan.

Hadirin sekalian,

Sebagai pendidik kita perlu memastikan pendidikan yang berterusan, latihan kerja praktikal dan latihan semula kemahiran kepada pewaris masa depan iaitu para pelajar kita ini bagi memanfaatkan sepenuhnya teknologi baru. Pendidikan yang berterusan ini akan melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berbakat dalam bidang sains teknologi bagi mencapai produktiviti tinggi dan memantapkan daya saing negara. Agenda ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan bilangan penyelidik, jurutera dan saintis di negara ini. Dalam RMK 9, sasaran nisbah 60 RSE (researchers, Scientist, Engineers) bagi setiap 10,000 tenaga kerja masih belum tercapai. Sebaliknya, status semasa menunjukkan hanya nisbah 18-20 RSE dicapai bagi tempoh berkenaan.

Seperti yang saya katakan awal tadi bahawa kita mahu mewujudkan negara yang mempunyai pendapatan yang tinggi dan ini memerlukan banyak kemahiran. Ini bermakna, pengurangan kebergantungan terhadap tenaga buruh asing yang tidak berkemahiran, dan lebih penumpuan kepada pekerja pelbagai kemahiran yang boleh meningkatkan produktiviti. Oleh itu, misi

Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menzahirkan sistem pendidikan berkualiti yang bertaraf dunia pasti dapat direalisasikan dengan penganjuran pertandingan seperti ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada petang ini, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra kerana menjadi tuan rumah Pertandingan Reka Cipta Kejuruteraan dan Inovasi Sains Sekolah Berasrama Penuh dengan jayanya. Semoga pertandingan seperti ini akan menjadi pencetus kepada lahirnya golongan cerdik pandai yang akan mentadbir negara satu hari nanti.

Akhir kata, saya juga mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan tahniah kepada peserta-peserta dan sekolah yang menjadi johan mengikut kategori masing-masing. Kepada yang tidak berjaya, jangan putus asa, cuba lagi pada tahun-tahun hadapan. Kepada anak-anak pelajar, ingatlah bahawa pelajar hari ini merupakan pemimpin pada masa akan datang. Dalam mencapai Wawasan 2020, iaitu menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang maju, satu komitmen waja dan jitu amat diperlukan dalam kalangan pelajar untuk menimba ilmu dan mempunyai pemikiran yang kreatif dan inovatif. Tanamkanlah azam, tekad dan

iltizam bagi menggapai impian. Semoga impian menjadi kenyataan.
Insya-Allah.

**Anak didik ku,
Hari ini kamu adalah pelajar,
Dan aku adalah gurumu,
Yang mendidik kamu tanpa tiada jemu,
Tanpa tiada terkilan,
Tanpa tiada penat,
Kerana terpahat disanubariku,
Kau adalah pewaris bangsa,
Yang akan mentadbir negara,
Di kemudian hari kelak.**

**Andai satu hari, kau sebagai pemimpin,
Memimpin negara ke mercu jaya,
Kearah kegemilangan,
Kearah kemahsyuran,
Menjadi negara kebanggaan dunia,**

**Dan aku di sini,
Sebagai seorang rakyat,
Sebagai bekas gurumu,
Akan sentiasa tersenyum bangga,
Kerana kau adalah muridku....
Lahir hasil didikanku,
Demi Tuhan, kumohon impian ini
Kelak kan menjadi nyata.**

Nukilan : Aida Othman 20/4/2010.

Oleh itu, dengan lafaz Bismillah Hirrahman Nirrahim, saya dengan rasa sukacita merasmikan Majlis Penutupan Pertandingan Reka Cipta Kejuruteraan dan Inovasi Sains Sekolah Berasrama Penuh kali ke-12 tahun 2010 ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.